

INTEGRASI NILAI-NILAI AL-QURAN DALAM KERANGKA PENGURUSAN BENCANA DI MALAYSIA: CABARAN, PROSPEK DAN IMPLIKASI DASAR

[INTEGRATING QURANIC VALUES INTO DISASTER MANAGEMENT FRAMEWORKS IN MALAYSIA: CHALLENGES, PROSPECTS, AND POLICY IMPLICATIONS]

MOHD HAFIZUDDIN MOHD PAUZI^{1*}, WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN¹,
ABDUL HANIS EMBONG¹

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: hafizuddinpauzi@gmail.com; wankhairul@unisza.edu.my

² Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan (PPAL) Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: hanis.embong@umt.edu.my

Corresponding Author E-Mail: wankhairul@unisza.edu.my

Received: 1 August 2025

Accepted: 30 August 2025

Published: 30 September 2025

Abstrak: Kejadian bencana alam yang semakin kerap dan intensif di Malaysia menuntut penilaian semula terhadap kerangka pengurusan bencana yang sedia ada, yang sebahagian besarnya bersifat teknokratik dan sekular. Walaupun Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 menyediakan struktur operasi yang kukuh, wujud lompong yang ketara dalam aspek pengisian spiritual dan psikospiritual yang relevan dengan populasi majoriti Muslim di negara ini. Artikel ini bertujuan untuk mencerencerak cabaran dan prospek pengintegrasian nilai-nilai Al-Quran ke dalam kerangka pengurusan bencana nasional. Menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan dokumen dan kepustakaan, kajian ini menyaring nas-nas Al-Quran yang berkaitan dengan fiqh al-karithah (kefahaman bencana) serta polisi semasa pengurusan bencana. Dapatan kajian mendedahkan bahawa cabaran utama pengintegrasian ini berakar umbi daripada dikotomi epistemologi antara sains moden dan teologi, serta risiko salah tafsir konsep takdir yang boleh membawa kepada sikap fatalisme pasif. Namun, prospek pengintegrasian dilihat sangat positif, terutamanya dalam aspek pembinaan daya tahan komuniti melalui konsep *ibtilla'* (ujian) dan *ta'awun* (kerjasama), serta potensi masjid sebagai hab pusat pemindahan yang holistik. Kajian ini merumuskan bahawa penyebatian nilai Al-Quran bukan sahaja melengkapkan lompong psikososial mangsa, malah memperkukuh kerangka pengurangan risiko bencana (DRR) yang lebih mampan dan membumi dalam konteks sosio-budaya Malaysia. Dapatan ini memberi implikasi penting kepada penggubal dasar untuk mengarusperdanakan elemen spiritual sebagai komponen kritikal dalam strategi kesiapsiagaan negara.

KATA KUNCI – Pengurusan Bencana, Nilai al-Quran, Psikospiritual, Spritual, Implikasi

Abstract: Abstract: The increasingly frequent and intensive occurrence of natural disasters in Malaysia demands a reassessment of the existing disaster management framework, which is largely technocratic and secular in nature. While the National Security Council Directive (MKN) No. 20 provides a robust operational structure, a significant gap exists in addressing spiritual and psychospiritual aspects relevant to the country's predominantly Muslim population. This article aims to explore the challenges and

prospects of integrating Quranic values into the national disaster management framework. Employing a qualitative research design through document analysis and literature review, this study examines Quranic texts related to *fiqh al-karīthah* (understanding of disasters) alongside current disaster management policies. The findings reveal that the main challenges to this integration stem from the epistemological dichotomy between modern science and theology, as well as the risk of misinterpreting the concept of divine decree (*qadr*), which could lead to passive fatalism. Nevertheless, the prospects for integration appear highly promising, particularly in building community resilience through concepts such as *ibtīlā'* (trial) and *ta'awun* (cooperation), and the potential of mosques as holistic central relief hubs. The study concludes that integrating Quranic values not only addresses the psychosocial gaps for victims but also strengthens a more sustainable and contextually grounded disaster risk reduction (DRR) framework within Malaysia's socio-cultural context. These findings carry significant implications for policymakers to mainstream spiritual elements as a critical component in national preparedness strategies.

Keywords: Disaster Management, Quranic Values, Psychospiritual, Spiritual, Implications



This is an open-access article under the CC–BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Hafizuddin Mohd Pauzi, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Abdul Hanis Embong. (2025). Integrasi Nilai-nilai al-Quran dalam Kerangka Pengurusan Bencana di Malaysia: Cabaran, Prospek dan Implikasi Dasar [Integrating Quranic Values into Disaster Management Frameworks in Malaysia: Challenges, Prospects, and Policy Implications]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 5(3), 1-22.

PENGENALAN

Dalam dekad mutakhir ini, landskap geografi dan iklim Malaysia telah mengalami perubahan drastik yang memanifestasikan dirinya melalui peningkatan frekuensi dan intensiti bencana alam, khususnya banjir monsun dan tanah runtuh. Realiti ini bukan sekadar satu krisis ekologi, malah ia merupakan satu ancaman eksistensial yang menguji keupayaan infrastruktur fizikal dan ketahanan sosial masyarakat. Lazimnya, respons negara terhadap fenomena ini dipandu oleh Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, yang menyediakan satu mekanisme perintah dan kawalan yang sistematik bagi menguruskan insiden bencana. Walau bagaimanapun, pendekatan konvensional ini sering kali terperangkap dalam paradigma teknikal-rasional yang memfokuskan semata-mata kepada logistik, kejuruteraan, dan pemulihan fizikal. Apa yang sering terpinggir dalam wacana arus perdana ini adalah dimensi kemanusiaan yang lebih mendalam, iaitu aspek spiritual dan keagamaan yang menjadi teras kepada pandangan semesta (*worldview*) sebahagian besar mangsa bencana di rantau ini.

Permasalahan kajian ini timbul apabila terdapat jurang yang ketara antara protokol pengurusan bencana yang bersifat sekular dengan mekanisme daya tindak (*coping mechanism*) masyarakat Melayu-Muslim yang sangat bergantung kepada nilai-nilai teologi semasa berhadapan dengan krisis. Kerangka sedia ada, walaupun efisien dari sudut operasi, dilihat kurang berupaya menangani trauma psikospiritual yang dialami mangsa. Tanpa integrasi nilai-nilai ketuhanan, pengurusan bencana menjadi tempang; bantuan fizikal sampai, namun jiwa mangsa kekal rapuh. Situasi ideal yang didambakan adalah satu ekosistem pengurusan bencana

yang holistik, di mana nilai-nilai Al-Quran tidak hanya dilihat sebagai elemen ritual semata-mata, tetapi diangkat sebagai prinsip panduan strategik dalam fasa mitigasi, kesiapsiagaan, respons, dan pemulihan.

Kesarjanaan lampau telah cuba meneliti hubungan antara agama dan bencana, namun kebanyakannya bersifat deskriptif atau tertumpu kepada kajian kes yang terpencil. Sebagai contoh, kajian oleh Gianisa dan Le De (2018) serta Hisham et al. (2022) telah membincangkan peranan agama dalam pengurangan risiko bencana, namun perbincangan mereka belum menyentuh secara komprehensif mengenai cabaran struktural dan prospek strategik pengintegrasian nilai Al-Quran secara formal ke dalam dasar negara seperti di Malaysia. Ketidadaan kerangka konseptual yang jelas menyebabkan usaha penerapan nilai Islam dalam pengurusan bencana sering kali bersifat ad-hoc dan tidak terkoordinasi, yang akhirnya mengakibatkan pembaziran sumber dan ketidakberkesanan dalam pemulihan trauma jangka panjang.

Justeru, artikel ini hadir untuk mengisi lompong pengetahuan tersebut dengan menganalisis secara kritikal cabaran epistemologi dan praktikal yang menghalang pengintegrasian ini, serta meneroka prospek masa hadapan yang boleh dimanfaatkan. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti bagaimana prinsip-prinsip Al-Quran seperti konsep *Fasad* (kerosakan akibat tangan manusia), *Ibtla'* (ujian), dan *Ta'awun* (kerjasama) boleh diterjemahkan ke dalam indikator pengurusan bencana yang boleh diukur dan dilaksanakan. Kajian ini berhujah bahawa pengintegrasian nilai Al-Quran adalah satu keperluan mendesak, bukan pilihan, demi membina sebuah masyarakat yang berdaya tahan bukan sahaja dari segi fizikal tetapi juga spiritual.

Secara strukturnya, artikel ini disusun bermula dengan menetapkan wilayah kajian melalui tinjauan literatur kritikal mengenai status quo pengurusan bencana dan perspektif Islam. Seterusnya, metodologi kualitatif yang digunapakai akan diperincikan. Perbincangan utama akan mencerencerak dapatan mengenai cabaran dan prospek, sebelum diakhiri dengan cadangan kerangka konseptual baharu dan kesimpulan yang merangkum implikasi kajian terhadap teori dan polisi.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini bertujuan untuk mensintesis dan menilai secara kritis korpus pengetahuan sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan bencana di Malaysia dan persilangannya dengan nilai-nilai teologi Islam. Perbincangan dimulakan dengan menelusuri kerangka operasi semasa, diikuti dengan analisis terhadap perspektif Al-Quran mengenai bencana, dan akhirnya menilai kajian-kajian terdahulu yang cuba menghubungkan kedua-dua domain ini.

Dalam konteks pengurusan bencana di Malaysia, Arahan MKN No. 20 kekal sebagai dokumen rujukan primer yang menggariskan peranan dan tanggungjawab agensi pelbagai peringkat (Majlis Keselamatan Negara, 2012). Menurut kajian oleh Shafiai et al. (2016), kekuatan utama arahan ini terletak pada struktur hierarkinya yang jelas dalam menggerakkan aset fizikal. Namun, Zamri dan Othman (2020) mengkritik pendekatan ini sebagai terlalu 'top-down' dan kurang memberi penekanan kepada aspek pembangunan kapasiti komuniti yang berasaskan nilai tempatan. Ini selari dengan pandangan umum dalam literatur pengurusan bencana antarabangsa yang mula beralih daripada paradigma 'command and control' kepada

pendekatan berasaskan komuniti, namun adaptasi elemen keagamaan dalam polisi rasmi masih sangat terhad (Chester et al., 2019).

Dari sudut pandang teologi, Al-Quran menyediakan naratif yang komprehensif mengenai bencana. Istilah-istilah seperti musibah, bala, fitnah, dan fasad telah dibincangkan secara meluas oleh sarjana Islam. Zulkefli (2019) dalam analisisnya menegaskan bahawa Al-Quran tidak melihat bencana sebagai hukuman semata-mata, tetapi juga sebagai peringatan dan ujian (ibtila'). Konsep fasad (kerosakan) yang disebut dalam Surah al-Rum ayat 41, misalnya, menghubungkan secara langsung kerosakan alam sekitar dengan tangan manusia, sekali gus meletakkan tanggungjawab etika ke atas manusia sebagai khalifah (Rahman, 2021). Walau bagaimanapun, literatur sedia ada sering kali membincangkan konsep-konsep ini dalam ruang lingkup tafsir yang teoretikal tanpa menterjemahkannya ke dalam bahasa polisi atau prosedur operasi standard (SOP) yang boleh digunapakai oleh agensi seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Seterusnya, terdapat segmen literatur yang memfokuskan kepada psikospiritual dan daya tahan (resilience). Kajian oleh Acevedo (2018) dan Ahnaf (2020) menunjukkan bahawa mangsa yang mempunyai pegangan agama yang kuat cenderung untuk pulih lebih cepat daripada trauma pasca-bencana. Di Malaysia, Yusof et al. (2018) mendapati bahawa mangsa banjir di Kelantan menggunakan zikir dan solat sebagai mekanisme daya tindak utama. Namun, dapatan ini sering kali terhenti di peringkat deskripsi tingkah laku individu dan tidak diangkat sebagai strategi intervensi nasional. Terdapat lompang yang ketara dalam kajian yang cuba mengintegrasikan amalan ini; contohnya, bagaimana kaunseling berasaskan Al-Quran boleh diintegrasikan secara rasmi dalam fasa respons kecemasan sebaris dengan bantuan perubatan fizikal.

Selain itu, cabaran dalam mengintegrasikan nilai agama turut mendapat perhatian sarjana. Salah tafsir terhadap konsep takdir (*qada'* dan *qadar*) sering dikaitkan dengan sikap fatalisme yang pasif, di mana mangsa menyerah sepenuhnya tanpa usaha mitigasi (Hussain & Ishak, 2021). Kajian oleh Ibrahim dan Mokhtar (2019) pula menghujahkan bahawa terdapat kekhuatiran dalam kalangan pembuat dasar bahawa memasukkan elemen agama akan merumitkan birokrasi atau dilihat sebagai tidak inklusif dalam masyarakat majmuk. Namun, hujah ini disanggah oleh penyelidikan terkini oleh Yaakob (2022) yang mencadangkan bahawa nilai-nilai universal Al-Quran seperti keadilan sosial dan penjagaan alam sekitar adalah merentasi sempadan agama dan boleh diterima pakai secara umum.

Secara sintesis, walaupun terdapat lambakan kajian mengenai pengurusan bencana dan kajian Islam secara berasingan, penulisan yang cuba mengahwinkan kedua-dua disiplin ini dalam bentuk kerangka kerja konseptual yang praktikal masih kurang. Kebanyakan kajian sedia ada bersifat reaktif (mengkaji selepas bencana berlaku) berbanding proaktif (mencadangkan model integrasi pra-bencana). Oleh itu, kajian ini mengisi kekosongan tersebut dengan menawarkan satu analisis yang bukan sahaja mengenal pasti masalah, tetapi meneroka prospek pengintegrasian yang strategik, menghubungkan teologi dengan teknokrasi demi kemaslahatan ummah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan jenis penyelidikan kualitatif dengan pendekatan konseptual dan analisis kepustakaan (*library research*) bagi mencapai objektif yang telah digariskan. Pemilihan reka bentuk ini social berasaskan kepada keperluan untuk membina dan memperhalusi kerangka teoretikal yang menghubungkan dua disiplin ilmu yang berbeza, iaitu pengurusan bencana dan pengajian Islam, yang memerlukan interpretasi mendalam terhadap teks dan konteks berbanding pengukuran social semata-mata. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri nuansa makna, prinsip, dan falsafah di sebalik nas-nas Al-Quran dan memadankannya dengan lompang dalam polisi semasa.

Data bagi kajian ini diperolehi melalui dua sumber utama. Pertama, sumber primer yang terdiri daripada Al-Quran dan kitab-kitab tafsir muktabar (seperti Tafsir Ibn Kathir dan Tafsir Al-Azhar) bagi mengekstrak nilai-nilai teras berkaitan bencana, serta dokumen rasmi social seperti Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 dan Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara. Kedua, sumber sekunder yang merangkumi artikel jurnal berimpak tinggi, prosiding persidangan, dan buku-buku ilmiah yang membincangkan tema pengurusan bencana dari perspektif Islam dan konvensional dalam tempoh masa 10 tahun terkini bagi memastikan relevansi data.

Proses analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik. Dalam fasa pertama, dokumen polisi disaring untuk mengenal pasti tema-tema utama pengurusan bencana (mitigasi, kesiapsiagaan, respons, pemulihan). Seterusnya, nas-nas Al-Quran yang relevan dikategorikan mengikut tema tersebut untuk melihat keselarasan atau percanggahan konsep. Kaedah penaakulan induktif digunakan untuk mensintesis cabaran dan prospek pengintegrasian, di mana pola-pola yang muncul daripada literatur disusun untuk membentuk satu kerangka pemahaman social. Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dipastikan melalui triangulasi sumber data dan rujukan silang antara pandangan sarjana kontemporari dan teks klasik, memastikan interpretasi yang dibuat social seimbang dan tidak terpesong daripada prinsip syariah serta social operasi bencana.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini, yang merupakan hasil sintesis konseptual dan analisis dokumen, mencerencerak dua dimensi utama iaitu cabaran pengintegrasian dan prospek strategik penerapan nilai-nilai Al-Quran dalam kerangka pengurusan bencana di Malaysia. Pertama, dalam aspek cabaran, kajian mendapati wujudnya halangan social yang ketara. Terdapat pemisahan sekularistik dalam minda penggubal dasar dan pelaksana yang melihat bencana sebagai fenomena saintifik-fizikal semata-mata, manakala agama dianggap sebagai urusan peribadi yang terpisah daripada tadbir urus negara. Ini menyukarkan penerimaan social dan pendekatan berasaskan wahyu dalam dokumen rasmi social. Selain itu, wujud cabaran kognitif dalam kalangan social awam berkaitan salah faham konsep takdir dan tawakkal. Analisis mendapati bahawa interpretasi yang tidak tepat mengenai konsep ini sering membawa kepada sikap social, di mana social menjadi pasif dan enggan melakukan persediaan awal (mitigasi) kerana beranggapan bencana social ketentuan

mutlak Tuhan yang tidak boleh dielakkan, satu pandangan yang bercanggah dengan tuntutan Al-Quran untuk berusaha (al-akhdhu bi al-asbab).

Kedua, dari sudut prospek, kajian ini merumuskan bahawa nilai-nilai Al-Quran menawarkan potensi besar untuk memperkukuh daya tahan nasional. Konsep Fiqh al-Karithah (Kefahaman Bencana) dikenalpasti sebagai 28ocial2828nt prospektif yang boleh menyediakan panduan hukum yang fleksibel semasa krisis, seperti kemudahan (rukhsah) dalam ibadah dan pengurusan jenazah, yang dapat mengurangkan kegusaran mangsa. Selain itu, nilai Ta'awun (saling membantu) dan Infaq (pemberian) yang digariskan dalam Al-Quran didapati mempunyai kapasiti untuk memobilisasi dana dan tenaga sukarelawan dengan lebih pantas dan efektif berbanding birokrasi formal. Dapatan juga menonjolkan prospek institusi masjid bukan 28ocial sebagai tempat ibadah, tetapi sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) yang holistik yang menyediakan perlindungan fizikal dan sokongan psikospiritual serentak. Akhirnya, pengintegrasian konsep *Istirja'* (28ocial28 kepada Allah) didapati berfungsi sebagai terapi kognitif yang ampuh dalam merawat Gangguan Tekanan Pasca Trauma (PTSD), mengubah persepsi mangsa daripada melihat diri sebagai korban kepada insan yang diuji, lantas mempercepatkan proses pemulihan 28ocial dan emosi.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini menilai secara kritis implikasi dapatan kajian dengan menghubungkannya kembali kepada teori dan literatur sedia ada, serta meneliti kesannya terhadap kerangka pengurusan bencana negara. Dapatan mengenai cabaran epistemologi yang memisahkan sains dan agama dalam pengurusan bencana selari dengan hujah Chester et al. (2019) yang menyatakan bahawa kerangka pengurangan risiko bencana (DRR) global sebahagian besarnya bersifat 'buta agama'. Namun, kajian ini melangkaui dapatan tersebut dengan menegaskan bahawa dalam konteks Malaysia, pemisahan ini bukan sahaja satu kekurangan teoretikal tetapi satu liabiliti operasi. Apabila nilai Al-Quran diketepikan, agensi kerajaan gagal memanfaatkan sumber daya tahan dalaman (inner resilience) masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada naratif keagamaan untuk memaknakan penderitaan mereka. Ini menyokong pandangan Yusof et al. (2018) bahawa mekanisme daya tindak spiritual adalah kritikal, namun kajian ini menambah bahawa ia perlu diinstitusikan, bukan sekadar dibiarkan berlaku secara organik.

Menariknya, dapatan mengenai salah faham konsep takdir sebagai penghalang kepada kesiapsiagaan membawa dimensi baharu kepada perbincangan. Sementara kajian Hussain dan Ishak (2021) melihat ini sebagai masalah pendidikan agama, perbincangan ini mencadangkan bahawa ia juga adalah kegagalan komunikasi risiko. Pengurusan bencana yang efektif memerlukan naratif agama yang betul—bahawa tawakkal hanya berlaku selepas usaha (ikhtiar) yang maksimum. Ini menuntut satu anjakan paradigma dalam modul kesedaran awam NADMA untuk memasukkan literasi teologi yang tepat sebagai sebahagian daripada pendidikan bencana. Dari sudut prospek, cadangan penggunaan masjid sebagai hab bencana holistik dan aplikasi Fiqh al-Karithah memperluaskan lagi konsep 'Whole of Society Approach' yang sering dilaungkan kerajaan. Ia membuktikan bahawa institusi agama adalah rakan strategik yang belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Secara teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pengembangan Model Daya Tahan Komuniti dengan memasukkan elemen 'Daya Tahan Transendental'. Jika model Barat fokus

kepada modal sosial dan ekonomi, model yang berteraskan nilai Al-Quran menambah dimensi hubungan vertikal (Hablumminallah) yang memberi makna kepada hubungan horizontal (Hablumminannas). Walau bagaimanapun, keterbatasan kajian ini terletak pada sifatnya yang konseptual. Tanpa data empirikal mengenai keberkesanan modul integrasi ini secara nyata di lapangan, cadangan yang dikemukakan mungkin dilihat sebagai idealistik. Oleh itu, kajian masa hadapan disarankan untuk membangunkan dan menguji modul psikospiritual Islam secara rintis di kawasan berisiko tinggi bagi mengukur impak sebenar terhadap pemulihan mangsa.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, artikel ini telah mencerakin cabaran dan prospek pengintegrasian nilai-nilai Al-Quran ke dalam kerangka pengurusan bencana di Malaysia, dengan matlamat untuk menjembatani jurang antara pendekatan teknokratik dan keperluan spiritual masyarakat. Kajian merumuskan bahawa walaupun wujud halangan struktur dan kognitif seperti pemisahan sekular dalam polisi dan salah faham teologi mengenai takdir merupakan potensi yang ditawarkan oleh integrasi ini adalah jauh lebih besar. Nilai-nilai seperti ta'awun, sabar, dan redha, jika diuruskan secara sistematik melalui polisi yang inklusif, mampu mentransformasikan landskap pengurusan bencana negara daripada sekadar 'mengurus krisis' kepada 'membina peradaban' yang tabah.

Implikasi kajian ini melangkaui wacana akademik; ia menuntut perubahan dasar yang berani. Pihak berkuasa seperti NADMA dan JAKIM perlu duduk semeja untuk merangka garis panduan operasi yang mengiktiraf peranan spiritual first aid setara dengan bantuan fizikal. Dari sudut teoretikal, kajian ini memperkaya korpus ilmu pengurusan bencana dengan menawarkan model alternatif yang lebih sesuai dengan acuan budaya Nusantara. Namun, diakui bahawa kajian ini terhad kepada analisis dokumen dan konseptual. Justeru, penyelidikan lanjutan yang bersifat empirikal dan longitudinal amat diperlukan untuk menguji keberkesanan mekanisme yang dicadangkan ini di lapangan sebenar. Akhirnya, pengintegrasian nilai Al-Quran bukan bertujuan untuk mengislamisasikan bencana, tetapi untuk memanusiakan pengurusan bencana, mengembalikan roh dan jiwa ke dalam tubuh jentera pengurusan yang selama ini kaku dan mekanikal.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil dari penyelidikan yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui dana Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2024/SS0/UKM/02/1).

RUJUKAN

- Abdullah, M. F., & Ahmad, S. (2021). Islamic perspectives on disaster management: A review of verses from the Quran. *Journal of Religion and Health*, 60(3), 1823–1838.
- Acevedo, G. A. (2018). Religion and disaster: A review of the literature. *Disasters*, 42(1), 164–182.

- Ahnaf, M. I. (2020). Religion and disaster risk reduction: Synergizing religious values and scientific knowledge. *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies*, 10(2), 237–262.
- Chester, D. K., Duncan, A. M., & Speight, H. (2019). Performing religion in a post-disaster setting: The case of the 2018 Lombok earthquake. *Geoforum*, 104, 153–163.
- Gianisa, A., & Le De, L. (2018). The role of religious beliefs and practices in disaster: The case of 2009 earthquake in Padang city, Indonesia. *Disaster Prevention and Management*, 27(1), 74–86.
- Hisham, S., Yaakob, M., & Raof, N. A. (2022). Integrating Maqasid Shariah in disaster risk management: A conceptual framework. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 78, 103126.
- Hussain, M. A., & Ishak, M. S. (2021). Fatalism and disaster preparedness among rural Muslim communities in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 189–205.
- Ibrahim, A. Z., & Mokhtar, M. (2019). Policy challenges in integrating religious values into Malaysia's disaster management framework. *Journal of Public Administration and Governance*, 9(2), 112–125.
- Majlis Keselamatan Negara. (2012). *Arahan No. 20: Dasar dan mekanisme pengurusan bencana negara*. Putrajaya, Malaysia: Jabatan Perdana Menteri.
- Malkawi, M. H. (2020). *Epistemological integration: Essentials of an Islamic methodology*. Herndon, VA: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Rahman, Z. A. (2021). Environmental ethics in the Quran: Implications for disaster management. *Al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization*, 26(1), 45–68.
- Shafiai, S., Koi, C. K., & Caldwell, N. (2016). Disaster management in Malaysia: The role of the National Security Council. *Journal of Extreme Events*, 3(02), 1650008.
- Sulaiman, S. (2020). The concept of Fasad in the Quran and its application to environmental degradation. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 8(2), 12–25.
- Wisner, B. (2020). Five years beyond Sendai: Can we bridge the gap between religion and disaster risk reduction? *International Journal of Disaster Risk Science*, 11, 1–9.
- Yaakob, M. (2022). Universal values in the Quran and their relevance to modern disaster management. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 12(1), 101–118.
- Yusof, S. M., Zakaria, N., & Salleh, A. (2018). Coping mechanisms of flood victims in Kelantan: A spiritual perspective. *Akademika*, 88(3), 55–66.
- Zakaria, F., & Kamaruddin, Z. (2021). The role of mosques in disaster management: A case study of Malaysia. *Journal of Islamic Architecture*, 6(4), 230–240.
- Zamri, N. A., & Othman, J. (2020). Community-based disaster management in Malaysia: Challenges and opportunities. *Planning Malaysia*, 18(3), 234–245.
- Zulkefli, M. Y. (2019). Understanding natural disasters from the Quranic perspective. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(2), 2301–2309.
- Zulkifli, M., & Amin, L. (2023). Psychospiritual therapy for disaster victims: A framework based on Maqasid Shariah. *Journal of Religion and Health*, 62, 450–465.

